

TARIKH	8 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	NASIONAL



Pelajar melihat pameran 1Graduan 1Kerjaya anjuran Berita Harian-Tabung Haji dan Universiti Malaysia Terengganu di UMT, semalam. [FOTO ASWADI ALIAS/BH]

Karnival cari kerja dapat sambutan

Kuala Terengganu: Karnival Cari Kerja Kelab Taha@U anjuran Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Berita Harian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, memberi pengalaman baru kepada peserta.

Karnival tiga hari itu disertai pelajar institusi pengajian tinggi serta orang awam, sebagai persediaan awal sebelum melangkah ke bidang kerjaya, termasuk latihan temu duga.

Ketua Pembangunan Perniagaan The New

Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Salmah Hanim Hares, berkata peserta perlu memilih syarikat yang menawarkan pekerjaan dan berjumpa penemuduga di bilik dikhaskan mengikut giliran seperti situasi ketika ditemuduga.

Tambah ilmu

“Melalui program ini penuntut bukan saja dapat meningkatkan keyakinan diri, malah menambah ilmu mengenai cara komunikasi, etika berpakaian dan penulisan resume



Mohamad Fariz Izwan

yang menjadi antara perkara penting dalam menentukan kejayaan mendapat pekerjaan,” katanya.

Penuntut Fakulti Pembangunan Sosial UMT, Mohamad Fariz Izwan Mohd Wazir, 21, teruja dengan pengalaman baru itu malah menganggapnya baik dalam menentukan masa depan kerjaya pelajar.